

# Telaga tiub efektif padam kebakaran hutan

**KUALA LUMPUR 12 Okt.** - Telaga tiub merupakan teknik yang paling berkesan dan kos efektif untuk memadam kebakaran hutan di Indonesia dalam tempoh masa panjang.

Ketua Jabatan Kejuruteraan Sivil dan Struktural Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Ir. Dr. Othman Jaafar berkata, bagaimanapun, kajian struktur tanah dan air daripada pakar hidrologi dan geologi perlu dibuat dan tempoh itu dijangka mengambil masa selama satu hingga tiga bulan.

Katanya, kedalaman telaga pula bergantung kepada keadaan tanah

dan kandungan air di sesuatu kawasan iaitu antara 10 meter, 100 meter sehingga 200 meter.

"Apa-apa pun, kita kena buat kajian terlebih dahulu terhadap struktur tanah serta memikirkan kemudahan akses ke sesuatu kawasan sebelum membawa peralatan-peralatan bagi membina telaga berkenaan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas cadangan Perdana



**MOHD. KHANIF YUSOF**

Perdana Menteri menjelaskan, Presiden Indonesia, Joko Widodo juga memandangi cadangan tersebut dan mengarahkan pihak berkuasa mengadakan lawatan ke Ma-

laysia dan melihat sendiri kaedah telaga tiub yang banyak diamalkan di kawasan pertanian di Sarawak.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pengurusan Ladang, Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Mohd. Khanif Yusof berkata, telaga tiub itu perlu dibina di kawasan yang berpotensi dan mempunyai kandungan air bawah tanah yang tinggi.

Beliau memberitahu, secara teorinya, teknik menggunakan telaga tiub ini boleh diteroka dengan lebih luas untuk memadam kebakaran di Kalimantan yang mengakibatkan jerebu teruk ke negara ini dan Singapura.

"Dari segi kos, pembinaan telaga tiub ini dirasakan lebih efektif. Namun, perlu diingatkan bahawa tanah gambut ini mengandungi campuran daripada hidupan yang mati terutamanya pokok-pokok. Jika kering, ia mudah terbakar," ujarnya.

Beliau memberitahu, secara teorinya, teknik menggunakan telaga tiub ini boleh diteroka dengan lebih luas untuk memadam kebakaran di Kalimantan yang mengakibatkan jerebu teruk ke negara ini dan Singapura.

"Dari segi kos, pembinaan telaga tiub ini dirasakan lebih efektif. Namun, perlu diingatkan bahawa tanah gambut ini mengandungi campuran daripada hidupan yang mati terutamanya pokok-pokok. Jika kering, ia mudah terbakar," ujarnya.

Beliau memberitahu, secara teorinya, teknik menggunakan telaga tiub ini boleh diteroka dengan lebih luas untuk memadam kebakaran di Kalimantan yang mengakibatkan jerebu teruk ke negara ini dan Singapura.

"Dari segi kos, pembinaan telaga tiub ini dirasakan lebih efektif. Namun, perlu diingatkan bahawa tanah gambut ini mengandungi campuran daripada hidupan yang mati terutamanya pokok-pokok. Jika kering, ia mudah terbakar," ujarnya.